

1982

JITRA, 10 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMAT ISLAM PERLU MEMPELAJARI ILMU MEMPERTAHANKAN DIRI SECARA MODEN BAGI MENGATASI KELEMAHAN MEREKA SEKARANG.

KATANYA, OLEH KERANA UMAT ISLAM LEMAH MEREKA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA APABILA DITINDAS OLEH MUSUH SEPERTI YANG BERLAKU DI LUBNAN DI MANA ORANG ISLAM DICEROBOHI DENGAN GANAS OLEH YAHUDI.

MENURUT PERDANA MENTERI, DENGAN KESANGGUPAN DAN KETABAHAN UNTUK MEMPERLAJARI SEMULA ILMU ITU TIDAK MUSTAHIL SATU HARI NANTI UMAT ISLAM AKAN DAPAT MENGATASI YAHUDI KERANA KEPANDIAN BUKANLAH MONOPOLI MEREKA SAHAJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS NUZUL QURAN DI KAMPUNG TUALANG PALAS DALAM KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU DEKAT SINI MALAM INI YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH JABATAN KEMAS NEGERI DAN KARIAH SURAU KAMPUNG TERSEBUT.

- LAGI 2310/AZ

MAHATHIR-ISLAM 2 JITRA

BELIAU BERKATA JIKA ANAK-ANAK MUDA ISLAM HARI INI MENDISIPLINKAN DIRI DAN BENAR-BENAR MEMPELAJARI ILMU PEPERANGAN MODEN LAMBAT LAUN MEREKA AKAN DAPAT MENGATASI KELEMAHAN ITU.

KATANYA, BANGSA YAHUDI TELAH BERUSAHA SELAMA 1,400 TAHUN UNTUK MENDUDUKI NEGARA MEREKA SEKARANG.

OLEH KERANA UMAT ISLAM LEMAH, MEREKA HANYA MELIHAT SAHAJA YAHUDI MELAKUKAN KEKEJAMAN TERHADAP ORANG ISLAM SEPERTI DI LUBNAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERISTIWA YAHUDI MENENDANG DAN MENERAJANG ORANG ISLAM SEPERTI YANG DILIHAT BARU-BARU INI AMATLAH MENYEDIHKAN DAN INI PATUT MENJADI PENGAJARAN KEPADA UMAT ISLAM.

TEGASNYA LAGI UMAT ISLAM MESTI TABAH HATI DAN SANGGUP MEMBUAT PERSEDIAAN DARI SEKARANG, BERSATU-PADU SERTA MENYINGKIRKAN PERKARA-PERKARA YANG MENIMBULKAN PERPECAHAN SESAMA SENDIRI YANG BOLEH MELEMAHKAN MEREKA SENDIRI.

-- LAGI 2313/AZ

B604:

MAHATHIR-ISLAM 3 JITRA

DI DALAM MEMBUAT PERSEDIAAN ITU ANAK-ANAK MUDA ISLAM HENDAKLAH MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA PELAJARAN BAGI MENDAPATKAN ILMU PENGETAHUAN UNTUK MENGATASI MUSUH ISLAM WALAUPUN IA MEMAKAN MASA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH DENGAN MEMPUNYAI KEKUATAN BUKANLAN TUJUAN UMAT ISLAM UNTUK MENINDAS ORANG LAIN TETAPI ADALAH UNTUK MENEGAKKAN HAK MEREKA.

BELIAU KESAL TERDAPATNYA SEGOLONGAN PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG CUBA MENGAJAR KERAJAAN BAGAIMANA HENDAK MENYERIKAN NEGARA SEDANGKAN PELAJARAN MEREKA MASIH BELUM TENTU.

MEREKA JUGA JANGANLAH MEMILIH PELAJARAN YANG MUDAH UNTUK MENDAPAT IJAZAH DAN SETERUSNYA KEDUDUKAN.

SIKAP DEMIKIAN TENTU TIDAK DAPAT MENGATASI MUSUH ISLAM, TEGASNYA.

TURU HADIR DI MAJLIS ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, AHLI EXO KANAN KEDAH; DATUK HAJI OSMAN AROF, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI JITRA; HAJI HANAFI RAMLI DAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, ENCIK NOR AMAN BIN DATUK RAFIE. -- BERNAMA 2316/AZ